



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTEKNIK KANAN MAKMAL (C.2 EB.3)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTEKNIK KANAN MAKMAL  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Sains Makmal atau bidang yang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Berpengalaman dan berkebolehan luas dalam kerja-kerja ujian dan penyelidikan di dalam makmal serta dalam kerja-kerja penyeliaan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA AM:**

1. Mengendalikan pengambilan contoh tanah, konkrit dan simen;
2. Menguji sifat-sifat fizik dan kimia;
3. Menguji kekuatan konkrit *Cube*; dan
4. Membuat laporan.



### **JABATAN PERKHIDMATAN AIR**

1. Mengetuai Makmal Bakteria, merancang dan menguruskan kerja-kerja harian bagi makmal bakteria;
2. Menyediakan inventori bulanan bagi media, *reagent*, perkakas dan peralatan bagi Makmal bakteria;
3. Memverifikasikan dan memastikan keputusan analisis makmal bakteria yang tercatat dalam *worksheet* adalah betul setiap hari;
4. Menandatangani keputusan ujian air bakteria (*bacteria test report*) bagi analisis harian (*routine*);
5. Melaporkan keputusan contoh air yang tidak memuaskan kepada ketua bahagian dan pihak berkenaan di loji-loji penapisan yang tertentu;
6. Membuat laporan bulanan analisis mutu air (bakteria) bagi loji-loji;
7. Menjalankan pengauditan untuk makmal loji-loji yang membuat analisis bakteria;
8. Menguruskan kerja-kerja kalibrasi (*external calibration*) peralatan makmal mengikut jadual yang ditetapkan termasuk pengesahan sijil kalibrasi;
9. Melaksanakan kerja-kerja kalibrasi (*internal*) untuk sebahagian peralatan makmal seperti *working thermometer* dan *timer*;
10. Menyediakan laporan sebut harga (*quotation*) dan laporan pembayaran bagi perkakas dan kimia (*reagent*) yang digunakan bagi analisis makmal bakteria dan juga kalibrasi barang-barang makmal;
11. Menyediakan laporan bulanan bagi ujian Analisa Bakteria; dan
12. Membuat laporan kerja dan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua bahagian dan pihak atasan.

### **JABATAN PERKHIDMATAN TENIKAL**

1. Sebagai Juruteknik Kanan Makmal di Unit Geologi dan Kajian dalam kumpulan Pusat Seismik Kebangsaan (NSC) dan Pemetaan;



2. Membantu Ahli Kaji Bumi dalam pentadbiran kontrak seperti memproses bayaran kemajuan projek, menyediakan permohonan Lanjutan Masa dan Pesanan Perubatan;
3. Membuat Minit, Memorandum dan persuratan serta Laporan Teknikal;
4. Membantu dalam pemantauan *State of Health* (SOH) bagi rangkaian seismik negara setiap hari melalui perisian aplikasi *Antares Network Management* dan pemantauan keseluruhan sistem Pusat Seismik Kebangsaan (NSC);
5. Membantu dalam pemantauan kejadian harian gempa bumi yang dikesan oleh rangkaian seismik negara dan diproses melalui perisian pemrosesan automatik *Response Hydra*;
6. Menjalankan kerja-kerja yang diarahkan oleh Ahli Kaji Bumi dan Pengawas Sistem apabila diperlukan;
7. Membantu memantau inventori barangan sistem Pusat Seismik Kebangsaan (NSC).
8. Membantu memantau kerja-kerja di tapak projek dan membuat lawatan tapak projek pada bila masa ataupun bila diarahkan; dan
9. Membimbing dan membantu kakitangan bawahan membuat kerja-kerja mengikut prosedur dan piawaian yang ditetapkan.